



KENYATAAN MEDIA
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
KEPIMPINAN PERDANA MENTERI MEMARTABATKAN KAUM WANITA

Saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi penghargaan ke atas kepimpinan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak dalam memartabatkan kaum wanita di negara ini.

Saya memuji ketegasan Perdana Menteri yang mahu akan semua syarikat senaraian awam mempertingkatkan bilangan wanita menyandang jawatan di peringkat pembuat keputusan. Tindakan ini wajar dilaksanakan oleh semua syarikat bagi mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Dalam ucapan beliau sempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2015 pada 24 Ogos 2015 yang lalu, Perdana Menteri turut mengumumkan penubuhan Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita (MPPW) yang bertindak sebagai badan penasihat dan perunding utama kepada kerajaan mengenai pembangunan dan pemeraksanaan wanita. MPPW akan memastikan agenda pemeraksanaan wanita selaras dengan hala tuju pembangunan negara dan dapat memberi sumbangan dalam bentuk khidmat nasihat dan perundingan bagi memastikan aspek kesaksamaan gender dapat diformulasi dalam pelbagai bidang di peringkat nasional mahupun antarabangsa

Perdana Menteri turut menyokong usaha mencapai matlamat memperkasa wanita dan kesaksamaan gender. Beliau menyatakan pendirian tersebut semasa *Global Leaders Meeting On Gender Equality and Women's Empowerment: A Commitment to Action*, di New York, United Nations pada 27 September 2015, bahawa setiap lelaki dan wanita akan diberikan peluang yang sama mengikut potensi yang ada bagi memacu pertumbuhan ekonomi dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Kerajaan juga amat responsif terhadap suara wanita dan secara konsisten bekerjasama bersama badan bukan kerajaan, masyarakat dan sektor swasta untuk memperkenalkan dan menambahbaik dasar, strategi dan program-program yang menjurus ke arah pemeraksanaan wanita.

Perdana Menteri yang juga pernah memangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan telah melaksanakan beberapa inisiatif serta dasar-dasar baharu yang memberi keutamaan kepada kesejahteraan wanita antaranya ialah pengumuman Dasar Sekurang-Kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat, *Purple Walk*, penubuhan PERWANI, Program Wanita Kembali Bekerja (*Career Come Back*), Program Pengarah Wanita dan Penubuhan 30% Club.

Usaha-usaha murni beliau dalam memartabatkan wanita di Negara ini wajar disanjung dan dihargai. Beliau merupakan tokoh kepimpinan yang disegani dan berjaya memartabatkan kaum wanita di negara ini ke peringkat yang berprestij.

YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM